

- 13.2.3 P.P. akan menentukan sama ada Kerja telah mencapai penyiapan praktikal. Kerja boleh dianggap telah mencapai penyiapan praktikal apabila kesemua kerja siap sepenuhnya menurut peruntukan kontrak. Dalam menentukan sama ada Kerja itu telah mencapai penyiapan praktikal, P.P. mestilah berpuas hati bahawa kontraktor telah menyiapkan kerja dengan memenuhi perkara-perkara berikut :
- (a) Semua kerja telah disiapkan menurut peruntukan Kontrak
 - (b) Kerja telah siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan dan boleh diduduki dengan selamat
 - (c) Kerja tersebut telah siap dan terdapat hanya kecacatan yang sedikit sahaja
 - (d) Pengujian dan Pentauliahan ke atas perkara berkaitan telah diluluskan
 - (e) Semua keperluan utama perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, tempat letak kereta, longkang, pembentungan, sistem kelengkapan kebersihan, sistem bekalan air dan elektrik, pili bomba, dan lif bomba seperti yang termaktub dalam kontrak sudah disiapkan
- 13.2.4 Perakuan Siap Kerja hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut, dan kepada pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak termasuk Bank/Insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan (jika berkenaan).
- 13.2.5 Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh siap Kerja yang praktikal yang dinyatakan di dalam Perakuan Siap Kerja. Pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, apa-apa kecacatan yang timbul hendaklah diperbaiki oleh kontraktor dengan kosnya sendiri apabila P.P. mengarahkannya.
- 13.2.6 Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki kecacatan tersebut, maka P.P. bolehlah melantik kontraktor yang berasingan untuk memperbaiki kecacatan tersebut dan segala kos yang terlibat dan ditambah dengan caj ke atas kos (*on-cost charges*) sebanyak 10% hendaklah ditanggung oleh kontraktor. P.P. bolehlah menolak kos tersebut daripada baki wang yang ada dalam kontrak dan sekiranya tidak